

12/05/1999

Iraq yakin kemampuan Malaysia desak PBB

KUALA LUMPUR, Selasa - Iraq yakin Malaysia akan memainkan peranan positif di Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memastikan sekatan ekonomi dan ruang udara terhadap negara itu ditarik balik.

Naib Presiden Iraq, Taha Yasseen Ramadhan, berkata sebagai anggota tidak tetap dalam Majlis Keselamatan, Malaysia boleh melakukan sesuatu yang terbaik.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meyakinkan Iraq bahawa Malaysia sentiasa menyokong negara itu dalam mendesak PBB menarik balik sekatan ekonomi sejak sembilan tahun lalu.

"Hari ini Dr Mahathir menegaskan pendirian yang sama dan berikrar membantu Iraq bagi menamatkan sekatan itu," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Taha yang mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri berkata, pendirian Malaysia itu disambut baik kerana sekatan terhadap Iraq kini sudah melebihi batasan yang ditetapkan dalam resolusi Majlis Keselamatan.

"Dalam pertemuan itu saya turut menyerahkan surat rasmi daripada Presiden Saddam Hussein kepada Dr Mahathir," katanya yang mengadakan lawatan rasmi ke negara ini selama empat hari.

Iraq yang kaya dengan sumber petroleum, dikenakan sekatan ekonomi oleh PBB selepas ia menyerang Kuwait pada Ogos 1990. Sejak itu ia menjadi sasaran beberapa serangan udara oleh Amerika Syarikat dan Britain, yang dikecam oleh Malaysia dan masyarakat sedunia.

Bagi mengukuhkan hubungan dua hala, Taha mencadangkan penubuhan suruhanjaya bersama antara Malaysia-Iraq untuk mengadakan kerjasama jangka panjang dalam sektor petroleum dan pendidikan.

"Kerjasama dua hala ini dapat mengukuhkan hubungan kebudayaan antara rakyat kedua-dua negara yang sedia terjalin selama ini.

"Sehubungan itu, saya juga mengalu-alukan agar ahli Parlimen Malaysia dan Iraq mengadakan pertukaran lawatan untuk menjalinkan hubungan kerjasama," katanya.

(END)